

**AMALAN PENGAJARAN KARANGAN GURU CEMERLANG  
DI DALAM BILIK DARJAH: KAJIAN SATU KES  
PELBAGAI LOKASI**

***(EXCELLENT TEACHERS ESSAY WRITING CLASSROOM  
INSTRUCTIONAL PRACTICE: A CASE STUDY  
FROM MULTIPLE LOCATIONS)***

**Rozita Radhiah Said<sup>1\*</sup> and Abdul Rasid Jamian<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Sekolah Menengah Kebangsaan Durian Daun  
Lorong Tun Fatimah, 75400 Melaka

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia

Serdang 43400 Selangor

\*Corresponding author: radhiahrozita@yahoo.com

**Abstrak:** Amalan pengajaran karangan Guru Cemerlang Bahasa Melayu di dalam bilik darjah yang difokuskan di dalam kajian ini bermaksud, apa-apa sahaja bentuk komunikasi lisan yang berkaitan dengan cara atau sistem mengajar sama ada dengan penggunaan pendekatan, kaedah atau teknik dalam melaksanakan segala sesuatu yang dirancang, disediakan, dikembangkan dan diakhiri dengan penilaian dan maklum balas. Pengkaji mendapati tahap penguasaan penulisan karangan pada peringkat sekolah menengah hari ini masih memerlukan pemantauan berkala yang tekal. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes, "satu kes pelbagai lokasi", iaitu menyelidik hakikat permasalahan pengajaran karangan dalam konteks keadaan sebenar. Maklumat kajian diperolehi menerusi kaedah rakaman video, pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen berkaitan. Seramai lima orang Guru Cemerlang Bahasa Melayu telah dipilih menggunakan kaedah persampelan purposif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengajaran penulisan karangan masih mengekalkan pendekatan tradisional iaitu guru memberikan segala perincian pelajaran kepada murid dan pengajaran berpusatkan guru masih mendominasi proses pengajaran karangan di dalam bilik darjah. Keadaan ini berlaku disebabkan beberapa kekangan dan masalah yang nyata. Justeru, adalah dicadangkan supaya dalam usaha untuk merealisasikan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan matlamat sistem pendidikan bahasa, aspek pedagogi guru haruslah diberi penekanan sepenuhnya bagi memastikan amalan pengajaran guru dapat menzahirkan apa-apa yang telah digariskan sebagai matlamat pendidikan bahasa. Kajian mencadangkan supaya setiap guru seharusnya bertindak sebagai pengkaji yang sentiasa menyelidik perkaitan antara pengajaran dengan perkembangan penulisan murid di dalam bilik darjah masing-masing. Amalan pengajaran karangan yang berkualiti di dalam bilik darjah mampu melahirkan karya-karya penulisan yang segar dari kaca mata generasi muda demi memperkaya khazanah ilmu bangsa dan dunia.

**Kata kunci:** pengajaran karangan, guru, bilik darjah, Bahasa Melayu

**Abstract:** This research was conducted to investigate the practice of teaching writing of Bahasa Melayu teacher in the classroom. The practice of teaching writing in Bahasa Melayu by the language teachers in the classroom will only focuses on teacher's verbal application including variety of ways in teaching writing using various approaches, methods and techniques that are planned, prepared, developed, and concluded with assessments and feedbacks. This study was done as the researcher identified that the level of essay writing at secondary school level still requires strict attention and action. To achieve the objective, a qualitative case study was conducted where a case of multiple locations to investigate a phenomenon in the context of the actual situation. The findings were collected through video recording, observation, interviews and analysis of relevant documents. The selection of the respondents made in accordance with the method of purposive sampling. The findings of this study indicate that the teaching of essay writing sustain the conventional approach due to various problem stated. Thus, the study suggested that in order to achieve the goal of *Falsafah Pendidikan Kebangsaan* and the aim of language education system, teachers have to be applying various methods of teaching in the classroom. Teacher pedagogical aspect should be fully emphasised to ensure the teaching methods disclose with what has been outlined as a goal of language education. The study also suggests that every teacher should act as researchers to investigate the relationship between students' teaching and writing development in their classroom. Effective teaching implementation in a classroom is hopefully can enrich the knowledge of language and the country through the strength in writing and to produce not only quality but also high value young generation.

**Keywords:** teaching writing, teachers, classroom, Malay language

## **PERNYATAAN MASALAH**

Bahasa Melayu telah menjadi subjek wajib dipelajari di semua peringkat persekolahan di negara kita dengan terlaksananya Laporan Razak pada tahun 1961. Banyak masa telah digunakan untuk mengajar kemahiran menulis dan mengarang di dalam bilik darjah iaitu selama enam tahun di sekolah rendah. Lima hingga tujuh tahun di sekolah menengah dan satu atau dua tahun di peringkat universiti. Namun masih terdapat ramai murid yang lemah dalam kemahiran tersebut. Hal ini bukan sahaja terlihat dalam hasil kerja mereka sehari-hari tetapi juga dalam peperiksaan awam seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) (Rusnah, 2003). Menurut Noor Rohana (2003), hal ini telah ditegaskan oleh beliau yang mengenal pasti salah satu daripada faktor kemerosotan pencapaian murid adalah berpunca daripada kurangnya penyebatian kemahiran berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Murid-murid masih dibelenggu dengan cara pengajaran tradisional. Gerak gempur minda masih belum cukup untuk menyerlahkan pemikiran kritis dan kreatif murid. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh fokus

dan tumpuan pengajaran guru adalah lebih kepada aspek-aspek kemahiran bahasa.

Bertitik tolak daripada permasalahan ini juga, pengkaji berasa terpacu untuk mengumpul data berkaitan amalan pengajaran karangan Guru Cemerlang Bahasa Melayu di dalam bilik darjah yang berfokus kepada amalan komunikasi lisan. Sehingga hari ini, guru-guru Bahasa Melayu sangat kurang didedahkan dengan amalan pengajaran karangan Guru Cemerlang. Kemahiran mengajar karangan Guru Cemerlang hanya terhad di dalam bilik darjah sahaja tanpa diperlihatkan kepada rakan sejawatan. Sekiranya amalan pengajaran karangan Guru Cemerlang di dalam bilik darjah itu dapat didokumentasi, dikaji dan dapatannya disebarluaskan kepada umum, maka ekspektasi pengajaran karangan yang sepatutnya berlaku dapat diteladani. Satu usaha yang lebih praktikal perlu diambil jika kita mahu melahirkan generasi muda yang suka menulis dan menghasilkan penulisan berkualiti sepanjang hayat kerana mereka mahu, bukannya bertujuan semata-mata untuk peperiksaan, kenaikan pangkat ataupun kerana terpaksa.

### **Objektif Kajian**

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menerangkan amalan pengajaran karangan Guru Cemerlang di dalam bilik darjah.
2. Menerangkan permasalahan-permasalahan yang dihadapi semasa guru mengajar karangan di dalam bilik darjah.

### **Persoalan Kajian**

1. Bagaimanakah Guru Cemerlang melaksanakan pengajaran karangan di dalam bilik darjah?
2. Apakah permasalahan melaksanakan amalan pengajaran karangan di dalam bilik darjah?

### **METODOLOGI**

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes, iaitu satu kes pelbagai lokasi (Merriam, 2009). Kajian kes ini memilih penelitian lapangan yang akan menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen yang pada akhirnya akan menghasilkan data berbentuk kualitatif. Pelaksanaan penelitian lapangan kajian satu kes pelbagai lokasi akan dibuat terhadap lima orang peserta kajian terpilih. Data

daripada kaedah pengumpulan maklumat ini akan ditadbir mengikut prosedur metode kajian kualitatif yang piawai.

### **Pemilihan Peserta**

Dalam kajian ini, strategi pemilihan Guru Cemerlang yang menjadi peserta kajian dibuat menggunakan kaedah persampelan purposif berdasarkan kepada ciri-ciri subjek yang mempunyai kepakaran, boleh mewakili, sedia mengambil bahagian dan mudah dihubungi, boleh memberikan data yang matang dan tepat, boleh memberikan maklumat yang paling banyak dan gambaran yang paling tepat kepada perkara-perkara yang ingin dikaji. Lima orang guru Bahasa Melayu telah menjadi peserta kajian dari lima buah sekolah yang berlainan latar belakang (lihat Jadual 1).

**Jadual 1.** Profil guru Bahasa Melayu

Guru	Umur	Jantina	Gred perkhidmatan	Pengalaman mengajar Bahasa Melayu
PK1	45	Perempuan	DG48	21 tahun
PK2	48	Perempuan	DG48	23 tahun
PK3	53	Perempuan	DG52	28 tahun
PK4	46	Perempuan	DG48	21 tahun
PK5	48	Lelaki	DG48	23 tahun

Penelitian lapangan akan dibuat terhadap lima orang peserta kajian, iaitu peserta kajian 1 (PK1) di sekolah menengah 1 (SM1), peserta kajian 2 (PK2) di sekolah menengah 2 (SM2), peserta kajian 3 (PK3) di sekolah menengah 3 (SM3), peserta kajian 4 (PK4) di sekolah menengah 4 (SM4) dan peserta kajian 5 (PK5) di sekolah menengah 5 (SM5). Setiap seorang daripadanya mengajar di sekolah menengah yang berbeza-beza iaitu masing-masing di sekolah menengah sukan (SM1), sekolah menengah harian lelaki (SM2), sekolah menengah teknik (SM3), sekolah menengah jenis kebangsaan Cina (SM4) dan akhir sekali sekolah menengah harian campuran lelaki dan perempuan (SM5).

### **Pemilihan Tempat Kajian**

Sebanyak lima buah sekolah menengah kebangsaan (SMK) di Melaka terlibat dalam kajian ini iaitu, terdiri daripada dua buah SMK harian yang terletak di kawasan bandar, sebuah SMK agama, sebuah SMK teknik dan vokasional dan sebuah lagi sekolah sukan. Sekolah-sekolah yang terlibat mempunyai latar belakang yang berbeza bagi membolehkan pengkaji melihat amalan pengajaran karangan dalam situasi yang berlainan. Maklumat asas sekolah-sekolah yang terlibat seperti dalam Jadual 2.

**Jadual 2.** Profil sekolah

Situasi sekolah	PK1/SM 1	PK2/SM 2	PK3/SM 3	PK4/SM 4	PK5/SM 5
Jenis	Sekolah sukan	Sekolah harian (L)	Sekolah teknik	SJK (Cina)	Sekolah harian (L+P)
Asrama	Tiada	Ada	Ada	Tiada	Tiada
Lokasi	Bandar	Bandar	Bandar	Bandar	Bandar
* L/P	L = 715 P = 508	L = 1266	L = 244 P = 369	L = 652 P = 668	L = 339 P = 289
** Jumlah murid mengikut kaum	LM = 298 LC = 363 LI = 54  PM = 220 PC = 260 PI = 28	LM = 874 LC = 253 LI = 129 Lain-lain = 10	LM = 239 LC = 4 LI = 1  PM = 364 PC = 2 PI = 3	LM = 25 LC = 589 LI = 40  PM = 22 PC = 610 PI = 36	LM = 249 LC = 90 LI = 10  PM = 198 PC = 70 PI = 9
Jumlah murid tinggal di asrama	0%	15%	75%	0%	0%
Bil. guru	110	112	55	73	57
Bil. murid	1223	1266	613	1320	628
Bil. kelas	49	61	24	36	26

\* L: Lelaki / P: Perempuan \*\* M: Melayu, C: Cina, I: India

### Batasan Kajian

Kajian ini hanya akan melibatkan lima orang Guru Cemerlang Bahasa Melayu yang mengajar di lima buah sekolah terpilih di Melaka. Sekolah menengah swasta, sekolah berasrama penuh dan sekolah agama rakyat tidak dilibatkan dalam kajian ini. Manakala amalan pengajaran yang dikaji hanya akan berfokus kepada apa-apa sahaja komunikasi lisan yang berkaitan dengan cara atau sistem mengajar sama ada dengan penggunaan pendekatan, kaedah atau teknik dalam melaksanakan segala sesuatu yang dirancang, disediakan, dikembangkan dan diakhiri dengan penilaian dan maklum balas.

### Kesahan dan Kebolehpercayaan Maklumat

Untuk menjamin kebolehpercayaan kajian ini, beberapa pendekatan telah digunakan iaitu; mengutamakan isu etika dengan mendapatkan kebenaran menjalankan kajian daripada pihak-pihak yang berkenaan, merahsiakan identiti peserta kajian dan lokasi kajian; menjelaskan andaian dan justifikasi penggunaan teori yang dipilih; membangunkan fail data yang lengkap dan menyeluruh

mengenai peserta kajian, menyediakan rangkaian audit serta menyenaraikan secara terperinci kaedah kajian, tatacara menganalisis data serta proses penulisan laporan (lihat Jadual 3).

**Jadual 3.** Strategi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan

Jenis ujian	Strategi	Peringkat kajian
Kesahan konstruk	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Triangulasi: Empat kaedah pengumpulan maklumat iaitu rakaman, pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Reka bentuk kajian</li> <li>• Pengumpulan maklumat</li> </ul>
Kesahan dalaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semak semula maklumat dengan peserta kajian</li> <li>• Membuat pemerhatian jangka panjang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengumpulan maklumat</li> </ul>
Kebolehpercayaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjelaskan andaian teori</li> <li>• Mengutamakan isu etika</li> <li>• Membangunkan data lengkap bagi setiap peserta kajian</li> <li>• Menyediakan rangkaian audit</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Reka bentuk kajian</li> <li>• Pengumpulan maklumat</li> <li>• Penulisan laporan</li> </ul>

### Tatacara Pemerolehan Maklumat

Tatacara pemerolehan maklumat dalam kajian ini dibuat melalui empat cara iaitu pengumpulan maklumat menerusi pemerhatian, pengumpulan maklumat melalui rakaman, temu bual separa struktur dan menerusi dokumen-dokumen berkaitan. Masa yang diambil untuk mengumpulkan semua data ialah selama lapan bulan bermula pada Oktober 2008 sehingga Mei 2009 (lihat Jadual 4).

**Jadual 4.** Jadual lawatan kajian

Peserta kajian	Tempoh pemerhatian dan/temu bual	Tarikh dan bilangan lawatan ke sekolah
PK1	<p><b>P&amp;P (Pemerhatian/rakaman)</b> 80 min x 6 waktu = 480 min</p> <p><b>Temu bual</b> 30 min x 4 = 120 min</p> <p><b>Hadir ke sekolah (1 bulan)</b> 7.40 a.m. – 2.40 p.m. 7 jam x 19 hari = 133 jam</p>	<p>OKT 2008: *6, 9, *13, 15, NOV 2008: 7, 8, *14, *16</p> <p>SEPT 2008: 1 bulan</p>

(bersambung)

**Jadual 4.** (sambungan)

Peserta kajian	Tempoh pemerhatian dan/temu bual	Tarikh dan bilangan lawatan ke sekolah
PK2	<b>P&amp;P (Pemerhatian/rakaman)</b> 80 min x 6 waktu = 480 min <b>Temu bual</b> 30 min x 3 = 90 min <b>Hadir ke sekolah</b> (1 bulan) 7.40 a.m. – 2.40 p.m. 7 jam x 28 hari = 196 jam	OKT 2008: *1, 2, 21 NOV 2008: *5, 13, *18  OKT 2008: 1 bulan
PK3	<b>P&amp;P (Pemerhatian/rakaman)</b> 80 min x 6 waktu = 480 min <b>Temu bual</b> 30 min x 2 = 60 min <b>Hadir ke sekolah</b> (1 bulan) 7.40 a.m. – 2.40 p.m. 7 jam x 18 hari = 126 jam	NOV 2008: 4, 6, *11, 18 JAN 2009: *12, 13  JAN 2009: 1 bulan
PK4	<b>P&amp;P(Pemerhatian/rakaman)</b> 80 min x 6 waktu = 480 min <b>Temu bual</b> 30 min x 4 = 120 min <b>Hadir ke sekolah</b> (1 bulan) 7.40 a.m. – 2.40 p.m. 7 jam x 26 hari = 182 jam	JAN 2009: *7, 8, *14, 15 FEB 2009: *10, *18  FEB 2009: 1 bulan
PK5	<b>P&amp;P(Pemerhatian/rakaman)</b> 80 min x 6 waktu = 480 min <b>Temu bual</b> 30 min x 2 = 60 min <b>Hadir ke sekolah</b> (1 bulan) 7.40 a.m. – 2.40 p.m. 7 jam x 16 hari = 112 jam	FEB 2009: 16, 19, 23, 26 MAC 2009: *2, *12  MAC 2009: 1 bulan APRIL – MEI 2009: (Temu bual perkara yang masih perlu)
<b>JUMLAH</b>	749 jam	107 kali lawatan

\* tarikh temu bual diadakan

**DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian pengajaran karangan guru di dalam bilik darjah dibuat berdasarkan analisa kekerapan perkataan yang paling tinggi kewujudannya dalam semua data pengajaran dan pembelajaran (P&P) guru yang dikumpul. Dapatan kajian terhadap amalan pengajaran guru dan permasalahannya di dalam bilik darjah dapat dirumuskan mengikut item-item seperti berikut.

### **Jumlah Bilangan Murid di Dalam Sesebuah Bilik Darjah**

Rumusan kajian mendapati masalah bilangan murid yang ramai di dalam kelas menyebabkan Guru Cemerlang PK1, PK2 dan PK4 sukar memberi tumpuan individu semasa P&P. Hal ini adalah kerana seorang guru bukan hanya mengajar seorang murid tetapi pada lazimnya seorang guru akan mengajar ramai murid di dalam bilik darjah. Pada kebiasaannya seorang guru bahasa akan bertanggungjawab mengajar empat kelas dan dalam setiap kelas pula mengandungi antara 35 hingga 45 orang murid. Kekerapan peserta kajian memilih untuk mengamalkan pendekatan, kaedah atau teknik pengajaran di dalam bilik darjah berkemungkinan disebabkan oleh faktor bilangan murid yang melebihi 35 orang di dalam kelas tersebut. Bilangan murid yang ramai menyebabkan Guru Cemerlang terpaksa memilih aktiviti P&P yang lebih berpusatkan guru, berpusatkan bahan dan berpusatkan disiplin. Cara terbaik untuk menyampaikan pelajaran secara adil kepada murid-murid dalam bilangan yang ramai tentulah dengan menggunakan kaedah kuliah, syarahan, penggunaan *overhead projector* (OHP) dan pembentangan "power-point" pada layar besar *liquid crystal display* (LCD). Jelasnya di sini P&P Guru Cemerlang bukanlah berkaitan kaedah, teori atau pedagogi guru tersebut tetapi hakikat ini masih wujud di sekolah-sekolah menengah pada hari ini. Justeru, nisbah bilangan murid di dalam bilik darjah mestilah sesuai dengan nisbah seorang Guru Cemerlang supaya P&P boleh dilaksanakan dengan lebih cemerlang, bermakna, selesa dan efektif.

### **Beban Kerja Guru Bahasa**

Pada peringkat sekolah menengah, terutamanya peringkat menengah atas, latihan lisan semakin kurang dan latihan menulis menjadi semakin banyak dalam semua mata pelajaran di sekolah. Dapatan kajian mendapati, aspek pengurusan bilik darjah bagi Guru Cemerlang mata pelajaran Bahasa Melayu adalah berat. Jika latihan menulis karangan menengah atas, setiap murid dikehendaki menulis sebuah karangan lengkap tidak boleh kurang daripada 350 patah perkataan bagi memenuhi piawaian peperiksaan. Bayangkanlah jika terdapat 45 orang murid di dalam setiap kelas dan Guru Cemerlang tersebut mengajar sebanyak empat kelas menengah atas. Setiap kali diadakan karangan bertulis maka Guru Cemerlang perlu membetulkannya supaya guru itu tidak akan dipandang serong oleh pengetua, rakan sejawat malah murid-murid mereka sendiri. Perkara ini bukan semata-mata salah amalan Guru Cemerlang dalam pengajaran. Hakikatnya jika seseorang murid lemah dalam mengarang berkemungkinan disebabkan oleh kurangnya latihan mengarang di dalam bilik darjah kerana aspek semakan dan penandaan mengambil masa yang lama.



## **Sistem Penilaian Sekolah**

Rumusan kajian juga mendapati pengajaran kemahiran menulis di dalam bilik darjah masih menekankan kepada kuantiti karangan dan bukannya proses mengarang. Keadaan ini membuatkan Guru Cemerlang bahasa berasa tertekan dan berada dalam dilema untuk memenuhi antara tuntutan peperiksaan, tekanan daripada pihak pentadbir dan ibu bapa serta kehendak profession perguruan itu sendiri. Penilaian berdasarkan sekolah tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana masyarakat am dan masyarakat sekolah lebih mengutamakan sistem penilaian secara berpusat dan peperiksaan mengikut norma.

## **Pengajaran Masih Bercirikan Amalan Pengajaran Tradisional**

Rumusan kajian ini juga mendapati amalan pengajaran guru yang diperhatikan masih jelas mengamalkan ciri-ciri pengajaran tradisional seperti berikut iaitu:

### ***Persediaan guru***

Hasil kajian mendapati, pada peringkat persediaan pengajaran, tajuk karangan disedia, dipilih dan dimuktamadkan oleh semua Guru Cemerlang yang menjadi peserta kajian ini. Murid-murid tidak ditanya atau diberi pilihan sendiri atas alasan untuk memenuhi kehendak sukatan pelajaran. Biasanya tajuk karangan diberi kepada murid-murid seminggu lebih awal. Aktiviti perbincangan di dalam kelas hanya bertujuan untuk perkongsian maklumat, menyalin nota-nota dan mengumpul isi-isi penting daripada sumber-sumber yang telah dicari oleh murid. Ke kerap yang berlaku ialah Guru Cemerlang lebih banyak membuat persediaan dan guru juga akan memberikan segala input tentang tajuk pelajaran pada hari tersebut.

### ***Peringkat permulaan pengajaran karangan***

Berdasarkan penganalisan data pemerhatian adalah, PK2 dan PK4 langsung tidak melaksanakan set induksi dalam semua sesi pengajaran karangan masing-masing. PK5 paling kurang melaksanakan set induksi dalam pengajaran karangan manakala PK1 dan PK3 paling kerap melaksanakan set induksi. Pelaksanaan set induksi PK3 berfokus kepada menarik perhatian dan merangsang minat manakala set induksi PK1 lebih menjurus kepada kesediaan minda atau menguji pengetahuan sedia ada murid.

### ***Peringkat perkembangan pengajaran karangan***

Pada bahagian perkembangan pelajaran, Guru Cemerlang lebih menumpukan kepada perbincangan berkaitan isi-isi karangan yang tajuknya telah dipilih lebih

awal. Pengajaran Guru Cemerlang jelas berpandukan kepada objektif dan berasaskan pengetahuan. Rumusan dapatan kajian adalah sebanyak 26 daripada 30 sesi P&P karangan Guru Cemerlang mengamalkan pengajaran berpusatkan guru dan hanya empat daripada 30 kali pengajaran yang dibuat oleh semua lima orang peserta kajian ada melibatkan murid secara aktif dalam aktiviti perbincangan berkumpulan. Murid-murid akan berbincang dalam kumpulan untuk berkongsi pendapat, pengetahuan dan memilih isi-isi serta contoh-contoh peristiwa yang relevan dengan tajuk tugas yang diberi. Selepas perbincangan dalam kumpulan kecil, murid-murid akan melaporkan hasil perbincangan pada kelas. Pelaporan murid akan bertumpu pada peringkat perkembangan pelajaran iaitu untuk mengetahui respon guru dan rakan-rakan sama ada isi-isi dan bahan-bahan yang disediakan secara berkumpulan tadi memenuhi kehendak soalan ataupun tidak. Pembentangan murid akan dirumus oleh guru dengan melihat kepada kekuatan dan kelemahan setiap kumpulan.

### ***Peringkat penutupan pengajaran karangan***

Kekerapan yang paling tinggi wujud semasa pelaksanaan penutupan pengajaran oleh semua peserta kajian adalah penutupan yang disudahi dengan kerja rumah. Latihan mengarang di rumah diberi untuk tujuan pengukuhan dan pengayaan dilaksanakan dua kali oleh PK1 daripada enam P&P yang diperhatikan, dua kali oleh PK2, sekali oleh PK3, PK4 dan PK5 masing-masing. Kemudian, diikuti dengan penutupan sosial yang digunakan sebanyak dua kali oleh PK3, PK4 dan PK5. Penutupan kognitif hanya diaplikasikan sekali oleh PK2 dan dua kali oleh PK5. Penutupan pengajaran yang menggambarkan sedikit tentang pelajaran yang akan datang diaplikasikan sekali sahaja oleh setiap peserta PK1, PK3 dan PK4, manakala penutupan yang menyatakan status objektif pengajaran semasa, paling sedikit atau kurang diaplikasikan, iaitu hanya sekali oleh PK1 dan sekali oleh PK2.

### ***Pendekatan pengajaran karangan***

Didapati pendekatan tradisional dalam pengajaran karangan lebih banyak diamalkan berbanding pendekatan proses (lihat Jadual 5). Hanya seorang peserta kajian iaitu PK2 mengamalkan pengajaran karangan menggunakan pendekatan konstruktif atau proses. Manakala empat peserta kajian lagi mencampuradukkan kedua-dua pendekatan mengikut kesesuaian dan keperluan pelajaran pada hari tersebut. Pengajaran karangan lebih banyak menerangkan sifat-sifat luaran, sifat fizikal atau susuk sesebuah karangan yang baik. Semasa pengajaran Guru Cemerlang lebih mementingkan jumlah perenggan, jumlah perkataan, jumlah isi dalam karangan dan jumlah muka surat yang perlu ditulis oleh murid. Amalan pengajaran karangan setiap peserta kajian berpandukan sepenuhnya kepada skor pemarkahan yang diperincikan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia terutama

ciri-ciri karangan yang cemerlang. Pengajaran karangan Guru Cemerlang sangat mementingkan hasil karangan yang telah siap ditulis. Perbincangan tentang kekuatan dan kelemahan karangan murid serta aktiviti mengenal pasti kesalahan tatabahasa dalam karangan murid yang dikembalikan setelah disemak oleh guru paling kerap dibincangkan di dalam bilik darjah. Guru Cemerlang juga mengajar berasaskan bahan karangan murid untuk akses sendiri dengan cara menyemak dan membaiki bersama-sama murid dalam pelajaran pada hari tersebut.

**Jadual 5.** Perbandingan dua pendekatan dalam pengajaran penulisan karangan

Konteks	Pendekatan konvensional	Pendekatan konstruktif
Pelajar	Tindak balas atas arahan guru, tugas mudah dan berbentuk individu.	Berdasarkan tugas, lebih mencabar, berbentuk inkuiri, provokatif, usaha sama, partisipatif dan interaktif.
Guru	Perancangan rutin, rangsangan kepada teks, persekitaran terkawal, mengemukakan jawapan melebihi soalan, biasanya satu soalan untuk jawapan yang panjang.	Perancangan lebih kreatif, mempelbagaikan rangsangan, mengemukakan soalan melebihi jawapan, soalan dikemukakan dalam pelbagai aras pengetahuan, aplikasi dan penilaian.
Pendekatan	Berpusatkan guru	Berpusatkan pelajar
Bilik darjah	Susunan tetap, kerusi dan meja teratur, pergerakan terbatas dalam bilik darjah.	Susunan meja dan kerusi mudah alih, susunan mengikut aktiviti, pergerakan tidak dibataskan dalam bilik darjah.
Kurikulum	Berpanduan objektif dan berasaskan pengetahuan.	Berasaskan pengetahuan, nilai dan kemahiran.
Sumber teknologi	Berpusat, prosedur ketat, teknologi digunakan hanya untuk menjelaskan dan memberitahu.	Teknologi digunakan untuk menjelas dan merancang pembelajaran. Tidak berpusat. Sumber mudah diperolehi dan digunakan parameter dalam pembelajaran.

*Sumber.* Wan Zah & Haslinda (2000)

### ***Kaedah pengajaran karangan***

Rumusan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa langkah pengajaran karangan didominasi oleh kaedah induktif. Ke kerapannya kaedah induktif diamalkan dalam pengajaran karangan adalah sebanyak 21 kali daripada jumlah keseluruhan 30 sesi pengajaran yang diperhatikan. Manakala kaedah komunikatif dan kaedah deduktif masing-masing diaplikasikan sebanyak tiga kali, diikuti oleh kaedah komunikatif sebanyak dua kali dan sekali sahaja kaedah contoh model prosa digunakan.

### ***Teknik pengajaran karangan***

Berdasarkan dapatan kajian kesemua peserta kajian iaitu PK1, PK2, PK3, PK4 dan PK5 paling kerap menggabungkan tiga teknik dalam pengajaran karangan iaitu teknik syarahan, teknik bersoal jawab dan teknik bacaan kuat. Semua peserta kajian melaksanakan gabungan tiga teknik pengajaran tersebut dalam semua 30 P&P karangan di dalam bilik darjah yang diperhatikan. Teknik yang paling sedikit dipilih oleh peserta kajian adalah teknik lakonan dan teknik main peranan. Maka jelas di sini bahawa dapatan kajian menunjukkan teknik mengajar karangan bertumpu sepenuhnya kepada teknik syarahan atau teknik penerangan digabungkan dengan teknik bersoal jawab dan diikuti dengan bacaan kuat oleh beberapa orang murid. Hal ini juga merupakan ciri-ciri utama pengajaran berpusatkan guru dalam pendekatan tradisional.

### ***Penggunaan alat bantu mengajar dan bahan bantu mengajar***

Dapatan kajian mendapati PK1, PK3 dan PK5 menggunakan bahan bercetak sahaja sebagai bahan bantu mengajar dalam keenam-enam sesi pengajaran karangan masing-masing. Manakala PK2 menggunakan OHP di bilik tayang sekolah dalam semua lima sesi P&P beliau dan satu sesi P&P lagi beliau hanya menggunakan bahan bercetak, papan hitam dan kapur sahaja.

### **Penilaian dan Penggredan Karangan**

Rumusan berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa guru mengajar karangan berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu dan berorientasikan peperiksaan. Justeru, Guru Cemerlang sangat cenderung mengingatkan murid-murid akan tatacara penulisan dan sifat-sifat luaran sesebuah karangan berbanding kebebasan atau keseronokan mengarang.

### **Pengurusan Masa**

Pengkaji mendapati hanya tiga (PK1, PK2, PK3) daripada lima orang peserta kajian ada mencatat impak pengajaran yang menyatakan refleksi yang berkisar tentang pengurusan masa dalam keadaan sebenar (amalan semasa) di dalam buku rekod mengajar harian.

### **Pengurusan Bilik Darjah**

Data analisis yang dikaji juga menunjukkan semua peserta kajian sangat mementingkan kawalan kelas. Kawalan kelas termasuklah kebersihan lantai dan susunan kerusi meja, penggunaan ruang, susunan tempat duduk murid dan keselesaan kelas. Hanya dua daripada lima peserta kajian yang memanfaatkan

papan buletin bahasa di bahagian belakang bilik darjah. Selain itu, Guru Cemerlang bahasa juga ada menampal pelan tempat duduk murid di dalam kelas sebagai satu bentuk kawalan kelas, menceriakan kelas, memastikan lampu dan kipas di dalam kelas berfungsi malah Guru Cemerlang dapat mengecam, mengenali setiap individu murid beserta latar belakang sosioekonomi keluarga di dalam kelas serta peka dengan pencapaian akademik murid-murid.

## **PERBINCANGAN**

Menurut Abdul Rasid et. al (2009), antara sebab guru sentiasa berbalik kepada amalan pengajaran tradisional semasa mengajar di dalam bilik darjah adalah berpunca daripada faktor persekitaran bilik darjah dan ruang pembelajaran. Keadaan ini bukan sahaja boleh menggalak bahkan memudahkan pembelajaran murid. Senarionya daripada data kajian ini, bilik darjah yang dibina untuk bilangan murid yang terhad terpaksa menampung bilangan murid yang ramai. Keadaan ini boleh menyukarkan pelaksanaan aktiviti P&P seperti menghadkan pergerakan aktiviti dan aturan ruang yang baru, kebisingan dan luakan masa serta interaksi antara kedua-dua pihak. Maka akhirnya guru kembali kepada kaedah tradisional yang biasa iaitu pengajaran berpusatkan murid.

Sehubungan dengan itu juga, Marohaini (2004), Abdul Rahim (2005) dan Awang (2006) telah mendedahkan secara dramatis kajian yang mereka dapati mengenai sikap dan amalan pengajaran guru di dalam bilik darjah sebagai punca kegagalan murid mengembangkan potensi penulisan. Marohaini (2004) menyatakan kebimbangan kerana beliau mendapati pendekatan pembelajaran tradisional yang sehalu masih dipraktikkan oleh guru di dalam bilik darjah. Awang (2006) pula menambah sambil mengkritik amalan pendidikan yang berlaku di sekolah sebagai kurang mampu memenuhi prinsip pembelajaran dan pengembangan potensi individu murid-murid. Sasaran utamanya ialah guru-guru yang kurang mendedahkan murid kepada cara walaupun garis panduan telah diperincikan oleh pendeta Za'ba sejak tahun 1960-an lagi.

Memandangkan sistem persekolahan sekarang masih mengutamakan pencapaian murid dalam peperiksaan, maka sekolah dan sistem pendidikan hari ini seolah-olah mementingkan fakta dan mencurahkan balik dalam peperiksaan tanpa menekankan kefahaman dan penguasaan kemahiran (Rusnah, 2003; Yahya, 2005; Awang, 2006; Juriah, 2002). Amalan pengajaran karangan Guru Cemerlang di dalam bilik darjah dipengaruhi oleh banyak faktor. Faktor yang paling ketara ialah untuk memenuhi tuntutan sukatan pelajaran. Tuntutan itu memberi kesan kepada pengajaran. Pengajaran karangan berorientasikan peperiksaan sering diamalkan kerana cemerlang atau tidaknya pengajaran seseorang guru itu sering diukur dengan pencapaian cemerlang murid-murid

yang diajarnya, malah lebih tertekan lagi apabila peratus kelulusan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah menjadi kayu ukur kedudukan sekolah dalam senarai peringkat negeri dan kebangsaan. Dalam kajian ini, mengajar penulisan karangan menggunakan kaedah syarahan, penerangan dan kaedah kuliah masih dilaksanakan. Sungguhpun demikian memang tidak dapat dinafikan bahawa pengajaran karangan menggunakan kaedah ini mempunyai banyak kelebihan (Hazri, 2009; Fadzilah, 2007). Cara tersebut sangat berkesan untuk mendapatkan maklumat daripada murid malah mudah juga bagi guru memindahkan maklumat kepada murid. Kaedah ini bukan sahaja menjimatkan masa dan tenaga bahkan juga sebagai satu bentuk kawalan bilik darjah. Kelas lebih mudah dikawal dan murid-murid akan merasa lebih puas dengan penyampaian pengajaran guru yang teratur dan berinformasi. Pada peringkat umur murid tingkatan empat, guru seboleh-bolehnya mahu mengurangkan pergerakan dan bunyi bising di dalam bilik darjah, sekaligus meningkatkan fokus dan tumpuan murid-murid kepada penerangan guru. Kaedah tradisional ini mempunyai kekuatan dan kelebihan yang tidak boleh dinafikan. Teknik syarahan, kuliah atau penerangan mampu menyumbang banyak input daripada bahan-bahan ilmiah sebagai tambahan sama ada dalam bentuk peristiwa, angka, data statistik yang tidak boleh diperoleh oleh murid-murid di dalam buku teks.

Selain daripada itu, salah satu faktor yang juga menjadi penyebab pencapaian rendah murid-murid dalam aspek penulisan karangan ialah kelemahan Guru Cemerlang menguasai ilmu dan maklumat, menyaring, memilih dan mengaplikasikannya dalam pengajaran bahasa berbantuan komputer (Mona & Sapora, 2002; Noor Rohana, 2004; Nur Adibah, 2003; Idris, & Dahlia, 2006). Para pengkaji ini berpendapat antara lain, pencapaian yang rendah adalah kerana Guru Cemerlang bahasa masih terikat dengan cara pengajaran tradisional yang berpusatkan guru. Sikap seperti ini hanya akan menyebabkan aktiviti penulisan menjadi suatu aktiviti yang membosankan. Seperkara lagi, memandangkan sistem persekolahan sekarang masih mengutamakan pencapaian murid dalam peperiksaan, maka sekolah dan sistem pendidikan hari ini seolah-olah mementingkan fakta dan mencurahkan balak dalam peperiksaan, tanpa menekankan kefahaman dan penguasaan kemahiran (Rusnah, 2003; Yahya, 2005; Awang, 2006; Juriah, 2002).

Menurut Ahmad Fuad (2003), Abdul Rahim (2005), Azwan (2005) dan Fadzilah (2007), profesionalisme perguruan merujuk kepada tingkah laku, kemahiran atau sifat-sifat yang diperlihatkan oleh seorang pendidik yang mempunyai pengetahuan dan latihan khas dalam profesion perguruan di samping mempunyai corak pengajaran dan penilaian terhadap muridnya. Golongan ini seharusnya dapat mengenal pasti pengetahuan dan kebolehan yang diperlukan oleh seorang guru apatah lagi Guru Cemerlang sekolah untuk mengajar dengan betul. Namun

demikian, disebabkan pengajaran merupakan sesuatu yang kompleks, maka sukar untuk menetapkan satu garis panduan yang benar-benar sesuai.

## **KESIMPULAN**

Sebagai pendidik, guru bahasa yang berstatus Guru Cemerlang sewajarnya mampu memperkukuh kapasiti untuk memperbaiki pembelajaran murid dengan melanjutkan pengetahuan profesional dalam bidang keguruan. Gabungan ilmu pengetahuan dan pengalaman mengajar sepatutnya menjadikan Guru Cemerlang mata pelajaran Bahasa Melayu seorang pendidik yang berpandangan progresif. Dengan kata lain mereka mestilah sentiasa mencari jalan memperkaya diri dengan pengetahuan, kemahiran dan trend-trend pengajaran-pembelajaran yang baru untuk disesuaikan dengan suasana/persekitaran sesebuah sekolah. Hal ini mampu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran menulis karangan di dalam bilik darjah. Manakala permasalahan umum yang asas sepatutnya tidak lagi berlaku pada era milenium ini. Pihak pemerintah perlulah menanganinya secara serius.

Dalam kalangan pendidik, pengkaji bahasa dan khususnya Guru Cemerlang bahasa, mereka sedar akan kolerasi tahap penguasaan bahasa seseorang murid dengan tahap kematangan berfikir, kemahiran lisan dan kemahiran menghasilkan penulisan yang baik (Roselan, 2003; Zulkifli, 2004; Yahya, 2005; Marohaini, 2004; Hawkins, 2006; Awang, 2006; Zamri & Mohamad Sani, 2002; Azwan, 2005; Hazri, 2003). Maka, kaedah pengajaran yang lebih dinamik, sesuai dengan perkembangan teknologi maklumat perlu diseliasa dengan betul dan dimanfaatkan semaksima mungkin dalam P&P. Pengalaman belajar terus seperti ini dianggap penting kerana pembelajaran murid dihubungkan dengan aplikasi sistem komputer. Cara ini dapat menentukan tahap kecekapan murid dalam melaksanakan sesuatu tugas penulisan yang diberikan oleh Guru Cemerlang dalam jangka masa yang ditentukan. Menurut Ismail (2002), dalam kajiannya tentang kursus penulisan teknikal mendapati bahawa telah terbukti dengan menggunakan *www* (World Wide Web) sebagai salah satu elemen dalam Internet, pembelajaran penulisan menjadi lebih berkesan berbanding kaedah tradisional.

Hari ini banyak peluang menulis disediakan kepada orang ramai termasuk murid-murid sekolah oleh laman-laman web yang terkemuka seperti *wikis*, *blogs*, *podcasts*, *facebook*, *tagged*, *friendster*, *myspace*, *twitter*, *msn*, *yahoo mesenger*, dan sebagainya. Jika laman-laman web yang berpotensi tinggi dan digilai oleh muda-mudi hari ini dapat dijadikan sebagai kuasa penggalak menulis yang terancang, maka formula atau penyelesaian penggalak kepada aktiviti penulisan ini boleh diadaptasi dan ditadbir dengan baik dan berkesan ke dalam bilik darjah

oleh Guru Cemerlang. Carian para pendidik untuk melahirkan generasi muda yang mengamalkan budaya menulis selama ini mungkin akan menjadi kenyataan. Data-data yang diperolehi melalui laman web sangat membantu dalam penjanaaan pemikiran murid-murid malahan juga menjadi sebagai suatu pemangkin idea untuk mereka menulis sebuah karangan yang berkaitan dengan sesuatu tajuk tugas yang diberi. Memanipulasi teknologi untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran yang terancang serta berkesan adalah satu usaha yang murni. Apatah lagi jika dilakukan untuk tujuan pendidikan. Pembentukan sahsiah dan kematangan fikiran boleh dicorak jika cara begini mampu diaplikasikan. Mendidik generasi muda melalui konsep penyelesaian masalah dan bermandiri sudah tentu pada akhirnya, matlamat untuk melahirkan generasi yang bertepatan dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara pada abad ke-21 ini akan tercapai (Eow & Roselan, 2008).

Justeru, dalam senario pendidikan hari ini, guru-guru bahasa perlu lebih kreatif dan inovatif supaya pengajaran dan pembelajaran menjadi efektif dan bermakna. Kreatif bermaksud kebolehan seseorang Guru Cemerlang untuk mencipta, menghasil dan memperkembang sesuatu pengajaran yang memperlihatkan kesan peningkatan terhadap aspek-aspek mata pelajaran yang diajar di dalam bilik darjah. Inovatif pula ialah kebolehan seseorang Guru Cemerlang memulakan sesuatu yang baru sama ada dalam bentuk kaedah, teknik dan sistem pendekatan dalam pembelajaran bahasa amnya dan pengajaran karangan khususnya untuk tujuan penambahbaikan ke arah kecemerlangan (Hazri, 2003; Azwan, 2005). Daya kreativiti yang tinggi membolehkan sesuatu amalan dalam pengajaran mencorakkan perkembangan minda, emosi, sikap dan nilai diri murid. Kurangnya inovasi dan pembaharuan yang berterusan semasa P&P di dalam bilik darjah akan menyebabkan murid cepat berasa bosan dan menganggap mata pelajaran Bahasa Melayu tidak mencabar minda. Kaedah dan teknik pengajaran Guru Cemerlang yang banyak diorientasikan oleh keperluan peperiksaan dan menghabiskan sukatan pelajaran menambahkan lagi ciri-ciri jumud dalam pengajaran bahasa (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2004).

## **RUJUKAN**

- Abdul Rahim Abdul Rashid. (2005). *Profesionalisme keguruan: Prospek dan cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rasid Jamian, Soaib Asimiran & Zakaria Kasa. (2009). *Guru pelatih dan pelaksanaan aktiviti guru semasa menjalani latihan mengajar dalam pembentukan guru novis*. Prosiding Seminar Pengajaran Berkesan Teras Pembangunan Modal Insan di Seminar Kebangsaan Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru 2009, 22–24 Disember 2009, Anjuran bersama UPSI dan Majlis Dekan-dekan Fakulti Pendidikan IPTA (MDFPIPTA), Impiana Casuarina, Ipoh.



- Ahmad Fuad Othman. (2003). Pendidik dan pendidikan di era digital: Pendekatan dan cabarannya. *Wawasan*. Pusat Sumber Pendidikan Negeri Kedah, Bil. 17, June.
- Awang Sariyan. (2006). *Warna dan suasana perancangan Bahasa Melayu di Malaysia* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azwan Ahmad. (2005). Kesan efikasi sendiri guru terhadap amalan pengajaran berbantuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 7.
- Craig, A. M. (2009). *Action research: Teachers as researcher in classroom*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publication.
- Eow, Y. L., & Roselan Baki. (2008). An exploratory study on the reasons and preferences of six Malaysian students on the video games played. *Journal of Environmental and Science Education*, 3(1), 19–25.
- Fadzilah Abdul Rahman. (2007). *Assessing preservice teachers' pedagogical knowledge development: The employment of bricolage approach*. Unpublished PhD dissertation, School of Education, University of Sheffield, London.
- Hazri Jamil. (2003). *Teknik mengajar sejarah*. Kuala Lumpur: PTS Pub. & Dist. Sdn. Bhd.
- Hazri Jamil. (2009). *Productive pedagogies for Malaysian education system: Investigating the classroom practice of Malaysian secondary school teacher*. Paper presented at Prosiding Seminar Pengajaran Berkesan Teras Pembangunan Modal Insan, Seminar Kebangsaan Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru 2009, 22–24 Disember, Anjuran bersama UPSI dan Majlis Dekan-Dekan Fakulti Pendidikan IPTA (MDFPIPTA), Impiana Casuarina, Ipoh.
- Hawkins, J. (2006). Think before you write. *Educational leadership*. Oktober.
- Idris Mohd. Radzi, & Dahlia Janan. (2006). *Mengajar dan belajar Bahasa Melayu: Penyerapan kemahiran bernilai tambah*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ismail Zain. (2002). *Aplikasi multimedia dalam pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributers Sdn. Bhd.
- Juriah Long. (2002). *Pendidikan Bahasa Melayu: Antara hasrat dengan pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Liddicoat, A. J. (2006). Developing professional standards for accomplished language teachers. *A review of the literature*, 40(3), February.

- Marohaini Yusof. (2004). *Perlakuan dan proses menulis karangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Mona Masood & Sapora Sipon. (2002). Pendekatan konstruktivisme: Realiti di bilik darjah. In *Instruksi & pembelajaran berasaskan teknologi: Satu penilaian semula*. Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke-15. Pusat Sumber Pendidikan Negeri Perlis, Indera Kayangan.
- Noor Rohana Mansor. (2003). Penyebatian kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, April.
- Noor Rohana Mansor. (2004). Penulisan karangan dan kemahiran bahasa. *Dewan Bahasa*, Oktober.
- Nur Adibah Ghazalli. (2003). Kesan-kesan strategi pengajaran Bahasa Melayu terhadap markah penulisan karangan pelajar tingkatan 2 di Sek. Men. Perempuan Methodist, Klang, Selangor. Retrieved 3 June 2010, from <http://www.akademik.ukm.my>
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2004). *Pukal latihan kurikulum bersepadu sekolah menengah (KBSM)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu: Senario, teori dan panduan untuk guru dan pelajar*. Shah Alam, Selangor: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Rusnah Hashim. (2003). Perlakuan dan proses pramenulis karangan dua orang guru tingkatan empat. Unpublished PhD dissertation, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Zah Wan Ali & Haslinda Abu Hassan. (2000). Pembelajaran dan latihan secara jarak jauh melalui web: Keperluan anjakan pemikiran tentang pembelajaran dan cara mendekatinya. Paper presented at International Conference Education & ICT in the New Millennium at Park Royal, Kuala Lumpur, 27–28 October.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Zamri Mahamod, & Mohamad Sani Ibrahim. (2002). *Profesionalisme guru-guru Bahasa Melayu dalam kepimpinan dan pengajaran*. In Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Guru, (pp. 243–264). Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifli Osman. (2004). Petua penulisan karangan yang baik. *Pelita Bahasa*. September, 12–14.